

16 MAR 1998

Mahathir-IKS

KERAJAAN TIDAK ABAI SYARIKAT KECIL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan bahawa kerajaan hanya cuba menyelamatkan syarikat-syarikat besar yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau berkata sebaliknya kerajaan mewujudkan banyak tabung untuk membiayai industri-industri kecil dan sederhana (IKS) dan telah menubuhkan sebuah kementerian khas untuk menjaga kepentingan mereka tetapi tidak banyak perhatian diberikan kepada usaha-usaha seperti itu.

"Tapi orang kata kita tumpu kepada sahabat karib kita. Seluruh Malaysia ini sahabat karib kita kerana kita ahli politik. Kalau orang tak suka kita, kita kalah.

"Jadi kita kena bantu semua orang...tidak ada yang kita tidak lakukan untuk orang miskin di negara ini," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Vietnam Tran Duc Luong di sini.

Beliau diminta mengulas gesaan Pemuda Umno supaya sebuah tabung khas diwujudkan untuk membantu syarikat-syarikat kecil yang terjejas akibat kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa syarikat besar tidak boleh dibantu kerana "kalau kita biarkan semua syarikat rugi, maka kerajaan tak dapat hasil" daripada cukai pendapatan syarikat.

Syarikat-syarikat besar juga perlu dibantu kerana mereka juga membayar cukai, katanya.

Dr Mahathir memberi contoh ketika kemelesetan ekonomi yang lepas apabila Ford dan Chrysler dilanda masalah, kerajaan Amerika menyediakan kemudahan dana mudah bagi membantu memulihkan syarikat-syarikat berkenaan.

"Mengapa kita tidak dibenarkan membantu syarikat-syarikat kita, bukan sahaja syarikat-syarikat besar," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah melakukan beberapa lawatan ke Jepun untuk mempelajari mengenai perniagaan francais dan bagaimana untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

Ketika mesyuarat Kabinet, perniagaan francais dan cara-cara untuk meningkatkan perniagaan kecil sering kali dibincangkan, katanya.

"Setiap kali mesyuarat Kabinet, kami bincangkan mengenai francais, bagaimana untuk memajukannya dan kami cuba galakkan mereka terlibat dalam pembuatan komponen kecil," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

AZZ oba